

JABATAN BANGUNAN
Majlis Bandaraya Seberang Perai

KELULUSAN PELAN PINDAAN DAN TAMBAHAN RUMAH KEDIAMAN

PERAKUAN OLEH ORANG UTAMA YANG MENGEMUKAKAN (PSP)

1	Borang A yang lengkap diisi.
2	Borang Semakan Permohonan Pelan (SKP1) yang lengkap diisi
3	Borang Perakuan Kelulusan (SKP 8d) yang lengkap diisi
4	1 Salinan resit bayaran yuran proses pelan serta resit wang cagaran pelan bangunan dan kebersihan.
5	1 Salinan permit letak bahan binaan & permit pelupusan sisa binaan.
6	1 Salinan resit bayaran semasa cukai taksiran rumah.
7	1 Salinan Geran Tanah / Hakmilik Sementara (IR) dan S & P terkini (<i>Sekiranya Cukai Taksiran belum dikeluarkan</i>)
8	Permohonan ini belum dibina / telah dibina di tapak (<i>potong yang tidak berkaitan</i>) dan sertakan gambar rumah terkini.
9	1 salinan CD yang mengandungi pelan tapak, pelan bangunan (format Autocad versi 2000) dan gambar terkini rumah yang dipohon pada bahagian pindaan dan tambahan yang dicadangkan (format jpeg). CD dilabel dan disimpulkan.
10	Ruang lega minima 2 meter disediakan antara unjuran bangunan ke sempadan lot.
11	Persetujuan jiran bersebelahan bagi tambahan melibatkan perkongsian sempadan.
12	Tambahan ruang lantai tertutup tidak melebihi keluasan separuh daripada keluasan ruang lantai sediaada atau 1000 kakipersegi serta tidak melibatkan tambahan tingkat baru kepada bangunan sedia ada. Jika pembangunan melebihi had ruang serta tambahan tingkat bangunan, sila sertakan Salinan Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan.
13	Bangunan sediaada perlu mempunyai kelulusan MBSP dan Sijil Kelayakan Menduduki (SKM) atau Perakuan Siap Pematuhan (CCC). Tambahan sediaada perlu dinyatakan no. rujukan pelan dan tarikh kelulusan pelan bangunan.
14	Pengecualian daripada mengemukakan pelan kerja tanah boleh dipertimbangkan bagi kriteria-kriteria seperti di berikut:-
	a) Keluasan kerja tanah tidak melebihi 929 m persegi (10,000 ka persegi) dan Isipadu tambunan tidak melebihi 383 m padu (500 ela padu).
	b) Bukan kawasan penanaman padi dalam kawasan pengairan (Di bawah Akta Kawasan Pengairan 1953)
	c) Tidak ada kerja "basement".
	d) Tidak ada dibina "retaining wall".
	e) Kerja tanah tidak melibatkan lereng bukit.

Catitan : Tandakan yang berkaitan

15	Sekiranya kerja tanah yang dijalankan tidak mematuhi kriteria pengecualian mengemukakan pelan kerja tanah. Pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan ke Jabatan Kejuruteraan MBSP untuk pertimbangan dan kelulusan. Sebarang kerja bentuk tanah tidak dibenarkan sehingga Pelan Kerja Tanah diluluskan
16	Pindaan dan tambahan tidak menghalang pengudaraan dan pencahayaan semulajadi ruang sediaada dan baharu. Jadual pengiraan pencahayaan dan pengudaraan yang perlu dicatitkan di atas pelan.
17	Semua butiran pelan adalah teratur, mematuhi (Pindaan 2016) UKBS 1986 dan Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 dan saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap permohonan dan akan menyelia / memastikan tambahan dibina mengikut Pelan Lulus, (Pindaan 2016) UKBS 1986 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.
18	Pengesahan pemohon seperti berikut dengan tandatangan dan nama : <i>"Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya jika perkara berbangkit bersabit dengan pembinaan ini dan bersetuju membaikpulih segala kerosakkan yang mungkin timbul semasa kerja-kerja pembinaan ke atas premis bersebelahan, jalan, parit dan lampu jalan tanpa melibatkan MBSP".</i>
19	Pengesahan PSP / Arkitek seperti berikut berserta tandatangan dan cop: <i>"Saya akan menunaikan semua syarat jabatan teknikal di atas pelan dan memastikan ditunaikan di tapak pembinaan. Saya juga bertanggungjawab sepenuhnya serta akan menyelesaikan apa jua permasalahan di tapak pembinaan dan juga masalah kejuruteraan tanpa melibatkan MBSP".</i>
20	Memastikan Syarat Pembangunan Sesebuah atau Berkembar / Pindaan & Tambahan (Lampiran B) dicatitkan atas pelan berserta pengesahan akan menunaikan semua syarat berkenaan.
21	Perakuan PSP / Arkitek akan menunaikan semua syarat dan keperluan keselamatan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia di atas pelan bangunan.

Perakuan PSP :-

Saya memperakukan bahawa semua keterangan dan maklumat di atas adalah benar.

Saya berhak dirujuk kepada LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA sekiranya perakuan dan keterangan yang saya berikan adalah tidak benar dan melanggar aturan.

Majlis berhak menarik balik dan membatalkan keputusan sekiranya mana-mana maklumat di atas tidak benar atau bercanggah. Majlis juga berhak mengambil tindakan penguatkuasaan selanjutnya termasuk kompaun jika syarat-syarat berkenaan tidak dipatuhi di tapak tanpa sebarang notis.*

.....
Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP)

Untuk Kegunaan Pejabat (Jabatan Bangunan)

Lengkap dan diterima

Catitan : Tandakan yang berkaitan

Disemak oleh :

Nama :

Jawatan :

Tarikh & Masa :

T/Tangan: